

**BUKU MAKLUMAT
FAKULTI PERHUTANAN**

2015/2016

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	MAKLUMAT AM	1
1.1.	Latar Belakang Universiti Putra Malaysia	1
1.2.	Latar Belakang Fakulti Perhutanan	3
1.3.	Program Pengajian Fakulti Perhutanan	3
1.3.1	Bachelor Sains Perhutanan (<i>Bachelor of Forestry Science</i>)	3
1.3.2	Bachelor Sains Teknologi Kayu (<i>Bachelor of Wood Science Technology</i>)	4
1.3.3	Bachelor Sains Taman dan Rekreasi (<i>Bachelor of Park and Recreation Science</i>)	4
1.3.4	Pengajian Siswazah	5
1.4.	Aktiviti Penyelidikan	5
1.5.	Kemudahan Pengajaran dan Penyelidikan	6
1.6.	Struktur Organisasi	6
1.7.	Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008	8
1.8.	Senarai Hadiah Fakulti	8
1.9.	Syarat Kemasukan Program (BSH, BSTK, dan BSTR)	9
1.9.1.	Kelayakan Minimum Calon STPM	9
1.9.2.	Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM	9
1.9.3.	Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Tahun Asas UTM	9
1.9.4.	Kelayakan Minimum Calon Asasi Sains Pertanian	10
1.9.5.	Kelayakan Calon Lulusan Diploma	10
1.9.6.	Kelayakan Calon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	10
1.10.	Peluang Pekerjaan – Bachelor Sains Perhutanan	10
1.11.	Peluang Pekerjaan – Bachelor Sains Teknologi Kayu	11
1.12.	Peluang Pekerjaan – Bachelor Sains Taman dan Rekreasi	12

2.	KURIKULUM PROGRAM	14
2.1.	Kurikulum Bacelor Sains Perhutanan	14
2.1.1.	Keperluan Kredit Bergraduati	14
2.1.2.	Senarai Kursus untuk Bergraduati	14
2.1.3.	Skema Pengajian Bacelor Sains Perhutanan	17
2.2.	Kurikulum Bacelor Sains Teknologi Kayu	19
2.2.1.	Keperluan Kredit Bergraduati	19
2.2.2.	Senarai Kursus untuk Bergraduati	19
2.2.3.	Skema Pengajian Bacelor Sains Teknologi Kayu Opsyen Teknologi Biokomposit	22
2.2.4.	Skema Pengajian Bacelor Sains Teknologi Kayu Opsyen Pengurusan Industri Perkayuan	24
2.3.	Kurikulum Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi	26
2.3.1.	Keperluan Kredit Bergraduati	26
2.3.2.	Senarai Kursus Untuk Bergraduati	26
2.3.3.	Skema Pengajian Bacelor Sains Taman dan Rekreasi	28
2.4.	Pengecualian Kredit	30
2.5.	Latihan Industri	30
2.6.	Kem Perhutanan	30
2.7.	Projek Ilmiah Tahun Akhir	31
2.8.	Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris (Skema ELEX)	31
3.	SINOPSIS KURSUS	32
3.1.	Sinopsis Kursus Yang Ditawarkan Oleh Fakulti Perhutanan	32
3.2.	Sinopsis Kursus Yang Ditawarkan Oleh Fakulti Lain	56
4.	LAMPIRAN	
	Lampiran 1: Senarai Staf Fakulti Perhutanan	60
	Lampiran 2: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Perhutanan Untuk Pemegang Diploma Perhutanan UPM Yang Bermula Dari Sesi 1998/99	71
	Lampiran 3: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi Untuk Pemegang Diploma Perhutanan UPM Yang Bermula Dari Sesi 1998/99	72
	Lampiran 4: Senarai Pengecualian Kursus Program Bacelor Sains Perhutanan Untuk Pemegang Diploma Perhutanan UPM Yang Bermula Dari Sebelum Sesi 1998/99	73
	Lampiran 5: Senarai Pengecualian Kursus Program Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi Untuk Pemegang Diploma Perhutanan UPM Yang Bermula Dari Sebelum Sesi 1998/99	74
	Lampiran 6: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Perhutanan Untuk Pemegang Diploma Teknologi Kayu, UiTM	75
	Lampiran 7: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi Untuk Pemegang Diploma Teknologi Kayu, UiTM	76
	Lampiran 8: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Perhutanan Untuk Pemegang Diploma-Diploma Lain	77

Lampiran 9: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi Untuk Pemegang Diploma-Diploma Lain	78
Lampiran 10: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Teknologi Kayu Untuk Pemegang Diploma Perhutanan UPM	79
Lampiran 11: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Teknologi Kayu Untuk Pemegang Diploma Industri Perkayuan, UiTM	80
Lampiran 12: Senarai Pengecualian Kursus Bacelor Sains Teknologi Kayu Untuk Pemegang Diploma Berasaskan Kayu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	81

VISI UPM

Menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

MISI UPM

Memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

VISI FAKULTI

Menjadi sebuah Pusat Pendidikan, Penyelidikan & Khidmat Profesional dalam bidang Pengurusan Hutan, Sains Kayu dan Industri Perhutanan dan Taman dan Rekreasi yang bertaraf dunia.

MISI FAKULTI

Menjadi Pusat Pembelajaran dan Pendidikan yang unggul dalam bidang Perhutanan Tropika, untuk memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara, serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

DASAR KUALITI

Staf Universiti Putra Malaysia beriltizam ke arah kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan sokongan untuk memenuhi ekspektasi pelanggan.

Staf Universiti Putra Malaysia akan melaksanakan tanggungjawab dalam mencapai objektif kualiti yang ditetapkan, serta memastikan objektif tersebut dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan visi, misi, dan matlamat UPM.

1. MAKLUMAT AM

1.1 LATAR BELAKANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Penubuhan Universiti Putra Malaysia mula dikesan sejak penubuhan Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931 yang memberi tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian di Tanah Melayu. John Scott, Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi 'Ex-Officio' Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada masa itu, merupakan orang yang bertanggungjawab mengasaskan penubuhan Sekolah Pertanian yang berkeluasan 8.8 hektar di kawasan Serdang, Selangor. Sekolah ini yang bertujuan menyediakan pegawai-pegawai bagi Jabatan Pertanian telah beroperasi selama 10 tahun sehinggalah Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union telah mengisytiharkan bahawa Sekolah Pertanian tersebut dinaik taraf menjadi Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1947. Bermulanya kenaikan taraf kepada Kolej Pertanian Malaya pada 23 Jun 1947, kecemerlangan kolej ini semakin mendapat perhatian sehingga timbul cadangan untuk menaikkan taraf kolej ini menjadi sebuah universiti. Namun, hasrat ini tertangguh berikutan meletusnya darurat pada pertengahan tahun 1948. Pada tahun 1960, Fakulti Pertanian Universiti Malaya telah ditubuhkan dan pada 1 Januari 1962 satu status telah diluluskan untuk menjadikan Majlis Kolej Pertanian Malaysia sebagai satu pihak berkuasa Universiti Malaya.

Selaras dengan kepentingan sektor pertanian kepada ekonomi negara, peranan Kolej ini adalah sangat penting. Justeru, kerajaan telah memperuntuk sebanyak RM 7.9 juta bagi melaksanakan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Peruntukan yang diterima digunakan bagi mempertingkatkan pengambilah pelajar, membina dewan kuliah, meluaskan kawasan bagi perkembangan kolej, menambah makmal sains serta menambah bilangan pegawainya. Penubuhan sebuah universiti pertanian yang menawarkan program pengajian di peringkat ijazah semakin cerah apabila hasrat tersebut diutarakan oleh Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri semasa merasmikan bangunan tambahan Kolej Pertanian Malaya di Serdang pada 31 Mac 1969. Penubuhan Universiti Pertanian Malaysia ini akhirnya menjadi satu kenyataan dan telah diaktakan sebagai satu Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dan disiarkan menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 387 pada 29 Oktober 1971.

Penubuhan UPM diasaskan oleh gabungan Kolej Pertanian Malaya, dengan Fakulti Pertanian, Universiti Malaya. Dr. Mohd Rashdan Baba adalah Naib Canselor yang pertama. Sebelum itu, Dr. Mohd Rashdan Baba merupakan Pengetua Kolej Pertanian Malaya dan 1965 hingga 1969. Bermula 23 Julai 1973, UPM telah memulakan sesi akademiknya dengan pengambilan seramai 1,559 pelajar. Pelajar-pelajar tersebut memulakan pengajian di tiga fakulti pengasas iaitu Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Pertanian. UPM telah mengeluarkan graduan pertamanya pada Majlis Konvokesyen pertamanya pada 30 Julai 1977. Pada awal tahun 1980-an, skop pengajian UPM telah dikembangkan dengan memperkenalkan bidang Sains dan Teknologi dalam bidang pengajian yang ditawarkan. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan sensitif kepada tuntutan semasa dan peningkatan pembangunan, secara peringkat demi peringkat UPM menambahkan bidang- bidang baru dalam program pengajiannya misalnya sains sosial dan kesenian, teknologi maklumat dan perubatan sebagai persediaan untuk menjadi Universiti abad ke-21. Universiti Pertanian Malaysia menempa satu lagi sejarah dengan pengisytiharan nama baru, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 3 April 1997 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad. Nama baru ini menggambarkan UPM menawarkan pelbagai bidang termasuklah sains dan teknologi di samping program berkaitan pertanian, perhutanan dan veterinar. Malah UPM masih terus memperkukuhkan bidang pertanian, termasuklah disiplin yang berkaitan dengannya selaras dengan dasar negara

dan keperluan masyarakat. Pada masa ini Universiti Putra Malaysia mempunyai 16 Fakulti, 2 Sekolah, 16 Pusat, 9 Institut, dan 1 Akademi iaitu:

Fakulti

Fakulti Pertanian
Fakulti Perhutanan
Fakulti Perubatan Veterinar
Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Ekologi Manusia
Fakulti Pengajian Pendidikan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
Fakulti Sains
Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB)

Sekolah

Sekolah Pengajian Siswazah
Putra Business School

Pusat

Pusat Alumni
Pusat Asasi Sains Pertanian
Pusat Inovasi dan Pengkomersilan
Pusat Islam
Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS)
Pusat Kesihatan Universiti
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM)
Pusat Pembangunan Akademik (CADE)
Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pusat Sukan
Pusat Pengimejan dan Diagnostik Nuklear
Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa (CALC)
Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser
Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP)
Pusat Transformasi Komuniti Universiti

Institut

Institut Biosains
Institut Gerontologi
Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)
Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM)
Institut Penyelidikan Produk Halal
Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
Institut Pertanian Tropika
Institut Teknologi Maju

Akademi

Akademi Sukan

1.2 LATAR BELAKANG FAKULTI PERHUTANAN

Fakulti Perhutanan merupakan salah satu daripada Fakulti asas semasa penubuhan Universiti Putra Malaysia (dulu dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia) dalam tahun 1971. Misi Fakulti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Pendidikan yang unggul dalam bidang perhutanan tropika, yang menyumbangkan kepada kemajuan manusia, penerokaan ilmu, pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Untuk mencapai misi tersebut, Fakulti telah merangka objektif berikut:

- i) Melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dalam sektor pengurusan hutan, industri perkayuan serta rekreasi dan eko-pelancongan.
- ii) Melahirkan tenaga pakar melalui program pasca siswazah dalam bidang pengurusan hutan, industri perkayuan, serta rekreasi dan eko-pelancongan.
- iii) Menghasilkan penemuan penyelidikan yang relevan dan terkehadapan yang menyumbang kepada pengurusan hutan secara mampan, pembangunan industri yang berasaskan sumber hutan, rekreasi dan eko-pelancongan.
- iv) Menawarkan perkhidmatan profesional yang berkualiti dan relevan serta membantu perkembangan dan penyebaran ilmu dalam bidang pengurusan hutan, industri perkayuan serta rekreasi dan eko-pelancongan.

Untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan, Fakulti telah menjalin kerjasama rapat dengan Fakulti lain di UPM dan juga dengan agensi dan institusi perhutanan dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa. Kerjasama ini dapat mempertingkatkan keupayaan Fakulti menyelia pelajar pada semua peringkat pengajian yang ditawarkan.

Sejak penubuhannya, Fakulti telah berkembang dengan pesat dalam aspek pendidikan dan penyelidikan serta pembangunan sumber. Pada tahun 2014 Fakulti mempunyai 53 orang Pegawai Akademik, 14 orang Tutor yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran untuk mengendalikan kursus-kursus yang diperlukan dan disokong oleh 80 orang pegawai bukan akademik bagi mengendalikan pengurusan dan membantu aktiviti pengajaran dan penyelidikan. **(Lampiran 1; Senarai Staf Fakulti Perhutanan)**

1.3 PROGRAM PENGAJIAN FAKULTI PERHUTANAN

Fakulti Perhutanan menawarkan program pengajian pada dua peringkat iaitu:

1. Prasiswazah
 - a) Bacelor Sains Perhutanan (*Bachelor of Forestry Science*)
 - b) Bacelor Sains Teknologi Kayu (*Bachelor of Wood Science and Technology*)
 - c) Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi (*Bachelor of Parks and Recreation Science*)
2. Siswazah
 - a) Master Sains (*Master Science*)
 - b) Doktor Falsafah (*Doctor of Philosophy*)

1.3.1 Bacelor Sains Perhutanan (*Bachelor of Forestry Science*)

Objektif program ini adalah untuk melatih pelajar dalam bidang perhutanan. Graduan yang dihasilkan daripada program ini dilengkapi dengan

pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus sumber hutan, industri perkayuan dan sumber rekreasi serta pelancongan secara efisien berlandaskan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan. Tempoh pengajian program Bacelor Sains Perhutanan ialah empat tahun (8 semester). Secara khusus, program ini bertujuan untuk melahirkan graduan berikut:

- i. terlatih, profesional dan berkeupayaan merancang, mengurus, melaksana, dan menilai sumber hutan dan aktiviti dalam sektor perhutanan,
- ii. dapat menggunakan teknologi terkini dalam sektor perhutanan,
- iii. kreatif dan inovatif, berdaya saing dan bertanggungjawab ke atas masyarakat, budaya dan persekitaran, dan
- iv. mampu serta dapat menyesuaikan diri dengan suasana kerja global dalam aktiviti pembelajaran dan penyelidikan dalam sektor perhutanan.

1.3.2 Bacelor Sains Teknologi Kayu (*Bachelor of Wood Science and Technology*)

Objektif program ini adalah untuk menghasilkan tenaga terlatih dalam bidang pengurusan dan teknikal dalam industri berasas kayu bagi menampung keperluan negara. Pelajar akan didedahkan kepada konsep, teori dan kaedah berdasarkan maklumat, bahan, dan teknologi terkini. Tempoh pengajian program Bacelor Sains Teknologi Kayu ialah empat tahun (8 semester). Secara khusus, program ini akan melahirkan graduan berikut:

- i. berpengetahuan dalam mengurus penggunaan sumber hasil hutan negara secara optimum,
- ii. mahir dalam teknologi pembuatan dan pemprosesan bahan kayu dan lignoselulosa di samping peka terhadap perlindungan alam sekitar, dan
- iii. mempunyai keupayaan sebagai pengurus profesional dalam bidang pengeluaran dan pemprosesan kayu dan hasil hutan.

1.3.3 Bacelor Sains Taman Dan Rekreasi (*Bachelor of Parks and Recreation Science*)

Objektif program ini adalah untuk menghasilkan tenaga terlatih dalam bidang pengurusan taman dan rekreasi, dan eko-pelancongan bagi menampung keperluan negara. Pelajar akan didedahkan kepada konsep, teori, dan kaedah berdasarkan maklumat, bahan, dan teknologi terkini. Program ini bukan sahaja akan melahirkan graduan yang menepati keperluan masa kini dan masa hadapan. Sejajar dengan trend global, iaitu "green tourism" yang memberi fokus kepada rekreasi dan pelancongan berimpak rendah dan mampan. Graduan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan yang memanfaatkan sains dan teknologi semasa serta asas penyelidikan, mampu menangani isu yang relevan serta menghasilkan idea dan teknologi baru yang mesra alam. Tempoh pengajian program Bacelor Sains Taman dan Rekreasi ialah empat tahun (8 semester). Secara khusus, program ini akan melahirkan graduan berikut:

- i. terlatih dan profesional yang berkeupayaan merancang, mengurus, melaksana, dan menilai sumber dan aktiviti dalam bidang taman dan rekreasi,
- ii. dapat mengurus penggunaan teknologi terkini dalam pelbagai industri taman dan rekreasi serta pelancongan eko di sektor awam dan swasta,
- iii. beretika, prihatin, proaktif, berketrampilan, berdaya saing dan berbudaya cemerlang dalam usaha menjadikan Malaysia negara terbilang, dan
- iv. berupaya menjadikan Malaysia negara terbilang, dan berupaya

menjalankan penyelidikan dalam bidang sains taman dan rekreasi

1.3.4 Pengajian Siswazah

Program ini ditawarkan bagi melatih dan menghasilkan pengurus hutan profesional, penyelidik dan saintis dalam bidang perhutanan, hasil-hasil hutan, taman dan rekreasi hutan. Program pengajian siswazah yang ditawarkan di Fakulti Perhutanan ialah ijazah Master dan Doktor Falsafah. Bidang pengajian yang ditawarkan bagi program ini adalah:

- Bioteknologi Hutan
- Botani Hutan
- Ekonomi dan Dasar Perhutanan
- Kejuruteraan dan Operasi Hutan
- Pengurusan dan Ekologi Hidupan Liar
- Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan
- Pengurusan Industri Perkayuan
- Pengurusan Sumber Rekreasi
- Perhutanan Bandar
- Perkhidmatan Rekreasi dan Ekopelancongan
- Sains dan Teknologi Kayu
- Silvikultur Hutan
- Teknologi Kayu Komposit

1.4 AKTIVITI PENYELIDIKAN

Fakulti Perhutanan terlibat secara aktif dalam penyelidikan asas dangunaan dalam semua bidang perhutanan. Penyelidikan ini dijalankan oleh pegawai akademik, pegawai penyelidik, pelajar pra-siswazah dan siswazah. Sumber kewangan untuk menjalankan penyelidikan diperoleh daripada agensi kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara. Bidang penyelidikan yang dijalankan di Fakulti termasuk:

- Biokomposit
- Bioteknologi Hutan
- Dasar dan ekonomi hutan
- Ekologi hidupan liar
- Entomologi hutan dan hasil hutan
- Hidrologi hutan
- Kebakaran hutan
- Pelbagai guna hutan
- Pembajaan hutan
- Pemprosesan hasil hutan bukan kayu
- Pemprosesan, peningkatan sifat dan penggunaan kayu
- Pemuliharaan tanah hutan dan tanah berpasir terbiar
- Penggunaan remote sensing dan sistem maklumat geografi
- Pengurusan hutan bandar
- Pengurusan industri perkayuan
- Pengurusan kawasan berhutan dan berpokok
- Pengurusan taman dan rekreasi
- Perladangan dan tapak semaian hutan
- Sains vegetasi dan sivikultur
- Struktur dan bahan kayu

- Teknologi biji benih
- Tumbesaran dan pertumbuhan pokok

Sumber utama pembiayaan penyelidikan adalah melalui program ScienceFund, InnoFund dan TechnoFund oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sumber pembiayaan penyelidikan juga diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Experimental Research Grant Scheme (ERGS), Priority Research Grant Scheme (PRGS), Strategic Research Grant Scheme (SRGS) dan Long-term Research Grant Scheme (LRGS), Malaysian Brain Gain Programme, serta geran penyelidikan FELDA. UPM juga menerima pembiayaan projek penyelidikan menerusi Research University Grant Scheme (RUGS) dan sumbangan kewangan dari agensi antarabangsa seperti International Development Research Centre (IDRC), Japanese Forestry Tropical Society (JFTS), International Timber Trade Organization (ITTO), Environmental Economic Program for South East Asia (EEPSEA) dan Asia Pacific Association of Forestry Research Institutions (APAFRI).

Fakulti Perhutanan juga menjalankan aktiviti perkhidmatan profesional bagi penyebaran ilmu dan hasil penyelidikan kepada masyarakat umum. Aktiviti ini termasuklah memberi khidmat perundingan, mengadakan kursus latihan dan kemahiran serta menganjurkan seminar dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

1.5 KEMUDAHAN PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN

Fakulti Perhutanan mempunyai kemudahan prasarana bagi pengajaran serta penyelidikan dalam semua bidang perhutanan. Kebanyakan makmal dilengkapi dengan alatan moden bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Antara alat moden yang terdapat di makmal termasuklah alat optik, alat elektronik, alat penyerap atom spectrophotometer, bom kalori meter, alat pemanas dan pengering ketuhar mikro industri, kromatograf gas, mesin bagi membuat pulpa dan kertas, mesin penguji universal, alatan GIS dan lain-lain. Makmal khusus juga disediakan seperti Makmal Sains Tanah Hutan, Hidrologi, Fisiologi Pokok, Komposit, Pulpa dan Kertas, Kimia Kayu, Teknologi Pemprosesan Kayu, Uji Bahan, Patologi, Entomologi, Survei, GIS, Teknologi Rekreasi, Arborikultur, Tapak Semaian, Herbarium, Bioteknologi Hutan dan Teknologi Maklumat.

Fakulti mempunyai sebuah kawasan hutan pendidikan dan penyelidikan seluas 1176.1 hektar di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, kira-kira 25 km dari kampus induk. Fakulti juga mempunyai stesen penyelidikan luar di Hutan Belum, Grik, Perak yang boleh digunakan oleh pelajar dan staf untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan. Selain itu, fakulti mempunyai kemudahan kenderaan yang digunakan untuk tujuan amali dan kerja lapangan.

1.6 STRUKTUR ORGANISASI

Pentadbiran dan pengurusan Fakulti Perhutanan diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh tiga orang Timbalan Dekan, tiga orang Ketua Jabatan, dua orang Penolong Pendaftar dan seorang Ketua Seksyen Hutan dan Ladang. Tiga jabatan di fakulti iaitu Jabatan Pengeluaran Hutan, Jabatan Pengurusan Hutan dan Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan yang masing-masing diketuai oleh Ketua Jabatan. Jabatan berperanan dalam penawaran kursus dan hal-hal berkaitan dengan pelaksanaan program akademik.

1.7 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2008

Fakulti Perhutanan memberikan jaminan kualiti perkhidmatan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008. Pengendalian pengajaran, penyelenggaraan peralatan untuk latihan praktik dan penyelidikan pelajar dilaksanakan dengan kawalan sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008 UPM.

1.8 SENARAI HADIAH FAKULTI

Untuk memberi apresiasi kepada pelajar, fakulti memberi pelbagai hadiah kepada pelajar, terutamanya pelajar berprestasi. Nama-nama hadiah, bentuk hadiah, penderma dan kriteria penerima hadiah untuk tahun-tahun mendatang ini adalah:

- (1) **Nama: Pingat Rimbawan**
Bentuk: Pingat emas bernilai tidak kurang daripada RM500.00
Penderma: Institut Rimbawan Malaysia
Syarat Kurniaan: Graduan Bacelor Sains Perhutanan yang terbaik pada keseluruhannya.
- (2) **Nama: Hadiah KPKKT (Pengurusan Hutan)**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00
Penderma: Kumpulan Pengurusan Kayu-Kayan Terengganu Sdn. Bhd.
Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Perhutanan (Pengkhususan Pengurusan Hutan) tahun dua yang terbaik dari segi akademik
- (3) **Nama: Hadiah KPKKT (Industri Perkayuan)**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00
Penderma: Kumpulan Pengurusan Kayu-Kayan Terengganu Sdn. Bhd.
Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Teknologi Kayu tahun dua yang terbaik dari segi akademik
- (4) **Nama: Hadiah KPKKT (Pengurusan Taman & Rekreasi)**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00
Penderma: Kumpulan Pengurusan Kayu-Kayan Terengganu Sdn. Bhd.
Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Perhutanan (Pengkhususan Taman & Rekreasi) yang terbaik dalam keputusan peperiksaan tahun dua semester kecil
- (5) **Nama: Hadiah Persatuan Kayu-Kayan Sarawak**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM1000.00 dan sijil
Penderma: Persatuan Kayu-Kayan Sarawak
Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Terbaik Keseluruhan
- (6) **Nama: Hadiah Persatuan Kayu-Kayan Sarawak**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00 dan sijil
Penderma: Persatuan Kayu-Kayan Sarawak
Syarat Kurniaan: Projek Tahun Akhir terbaik berkenaan kegunaan Kayu-kayan
- (7) **Nama: Hadiah Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK)**
Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00 dan sijil
Penderma: Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.
Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Perhutanan Tesis Terbaik

- (8) **Nama: Hadiah Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor**
 Bentuk: Wang tunai bernilai RM500.00 (Dua Pemenang)
 Penderma: Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor
 Syarat Kurniaan: Pelajar Bacelor Sains Perhutanan Tesis Terbaik Bidang Biodiversiti dan Pemuliharaan Hutan
- (9) **Nama: Hadiah Kumpulan Profesor Fakulti Perhutanan**
 Bentuk: Wang tunai bernilai RM1000.00 (Seorang Pemenang)
 Penderma: Profesor-Profesor Fakulti Perhutanan
 Syarat Kurniaan: Disertasi Ph.D Terbaik
- (10) **Nama: Hadiah Kumpulan Profesor Madya Fakulti Perhutanan**
 Bentuk: Wang tunai bernilai RM1000.00 (Seorang Pemenang)
 Penderma: Profesor Madya Fakulti Perhutanan
 Syarat Kurniaan: Disertasi MSc Terbaik

1.9 SYARAT KEMASUKAN PROGRAM (BSH, BSTK dan BSTR)

1.9.1 Kelayakan Minimum Calon STPM

1. **Syarat Am Universiti**
 - i) Lulus SPM dengan baik
 - ii) Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf
 - iii) Lulus peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya
 - a) Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran pengajian Am, dan
 - b) Gred C (NGMP 2.00) dalam dua mata pelajaran lain
 - iv) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET)
2. **Syarat Khas Program**
 - i) Memenuhi syarat am universiti
 - ii) Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam satu (1) daripada mata pelajaran berikut pada peringkat STPM:
 - a) Biologi
 - b) Kimia
 - c) Fizik
 - d) Matematik Tambahan atau Matematik Lanjutan Tambahan

1.9.2 Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM

1. **Syarat Am Universiti**
 - i) Lulus SPM dengan baik
 - ii) Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf
 - iii) Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00
 - iv) Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET)
2. **Syarat Khas Program**
 - i) Memenuhi syarat am Universiti
 - ii) Mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 di peringkat Matrikulasi Sains Hayat

1.9.3 Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Tahun Asas UTM

3. Syarat Am Universiti

- i) Lulus SPM dengan baik
- ii) Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf
- iii) Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00
- iv) Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET)

4. Syarat Khas Program

- i) Memenuhi syarat am Universiti
- ii) Mendapat PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-gred C dalam satu daripada matapelajaran berikut di peringkat Matrikulasi Sains Hayat:
 - a) Biologi
 - b) Kimia
 - c) Matematik

1.9.4 Kelayakan Minimum Calon Asasi Sains Pertanian

1. Memenuhi Syarat Am Universiti
2. Syarat Fakulti Perhutanan
Lulus dan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 di peringkat Asasi Sains Pertanian.

1.9.5 Kelayakan Calon Lulusan Diploma

Lulus Diploma yang sesuai dari UPM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UPM dan mengambil *Malaysian University English Test* (MUET).

1.9.6 Kelayakan Calon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Lulus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan 5 dan memenuhi syarat berikut:

- a) Lulus SPM dengan baik
- b) Lulus dengan kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf.

1.9.7 Kelayakan Calon Antarabangsa

- a) Syarat Bahasa Inggeris:
 - i) IELTS 5.5
 - ii) TOEFL Paper Based 500
 - iii) (CIEP) ELS 107

**Minit 608.2 Mesyuarat Senat UPM*

1.10 PELUANG PEKERJAAN – Bacelor Sains Perhutanan

Antara bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan Bacelor Sains Perhutanan (BSH) dalam sektor awam dan swasta adalah seperti berikut:

a. Sektor Awam

Graduan Bacelor Sains Perhutanan (BSH) mempunyai peluang pekerjaan yang

terbuka luas. Antara jawatan yang sesuai bagi graduan Perhutanan ialah:

- Pengurus/Pegawai Hutan
- Pemelihara Hutan
- Pegawai Pensijilan Hutan
- Pengurus/Pegawai Hidupan Liar
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pegawai Tanaman Hutan Bandaran
- Pegawai Penggunaan Kayu
- Pengurus Ladang
- Pengurus Projek
- Pendidik
- Pegawai Tadbir/Pegawai Tadbir dan Diplomatik

b. Sektor Swasta

Graduan Bacelor Sains Perhutanan (BSH) boleh menceburkan diri dalam bidang keusahawanan yang berkaitan dengan perhutanan, industri perkayuan dan rekreasi seperti penglibatan dalam industri kecil dan sederhana, perusahaan perabot dan hasil hutan yang lain, perusahaan kraf tangan, pembekal anak pokok bunga hiasan, pokok teduhan dan anak pokok hutan, pengedar alatan keperluan perhutanan, pengurus syarikat, pengarah projek, perunding projek perhutanan dan sebagai penasihat projek yang berkaitan dengan perhutanan, industri perkayuan dan taman rekreasi serta eko-pelancongan. Antara jawatan yang sesuai di sektor swasta adalah:

- Pelatih Pengurusan Kilang
- Pengurus Pengeluaran
- Pengurus Sumber Manusia
- Pengurus Penyelidikan Dan Pembangunan
- Pengurus Kawalan Mutu
- Pengurus Pemasaran
- Pengurus Promosi
- Pengurus Projek (Kilang)
- Pegawai Eksekutif Pengeluaran
- Pegawai Seranta
- Perunding/Usahawan
- Pegawai Pemesinan
- Pengurus Operasi Balak Dan
- Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan
- Pegawai Bank

1.11 PELUANG PEKERJAAN – Bacelor Sains Teknologi Kayu

Antara bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan Bacelor Sains Teknologi Kayu (BSTK) dalam sektor awam dan swasta adalah seperti berikut:

a. Sektor Awam

Di dalam sektor awam terdapat beberapa kementerian dan jabatan yang dapat menawarkan pekerjaan kepada graduan BSTK. Di antara kementerian yang dapat menawarkan pekerjaan ialah Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi, Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Manakala jabatan dan institusi yang dapat menawarkan pekerjaan kepada graduan BSTK ialah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sabah, Jabatan Perhutanan Sarawak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Perbadanan Kemajuan Industri Kayu Sarawak (STIDC), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lain-lain. Antara jawatan yang boleh disandang adalah:

- Pegawai Kawalan Mutu
- Pegawai Penggunaan Kayu
- Pegawai Penyelidik Perakayuan/Perhutanan
- Pegawai Sains
- Pegawai Perhubungan Perusahaan
- Pemelihara Hutan
- Pegawai Tadbir/Tadbir dan Diplomatik
- Pegawai Penerangan
- Pengajar IPTA dan IPTS
- Pegawai tentera dan polis
- Guru dan pensyarah bidang perkayuan atau perhutanan

b. Sektor Swasta

Graduan BSTK boleh bekerja dengan syarikat perkayuan yang terlibat dalam pelbagai industri berasaskan kayu seperti pengilangan papan, kilang papan lapis, kilang perabot, pembuatan papan panel kayu, papan serpai, pulpa dan kertas dan lain-lain lagi. Di samping itu peluang untuk menceburkan diri sebagai usahawan dalam industri perkayuan oleh graduan BSTK adalah luas. Antara jawatan yang sesuai di sektor industri berasas kayu dan berkaitan adalah seperti berikut:

- Pelatih Pengurusan Kilang
- Pengurus Pengeluaran
- Pengurus Sumber Manusia
- Pengurus Penyelidikan Dan Pembangunan
- Pengurus Kawalan Mutu
- Pengurus Pemasaran
- Pengurus Promosi
- Pengurus Projek
- Pegawai Eksekutif Pengeluaran
- Pegawai Seranta
- Perunding/Usahawan
- Pegawai Pemesinan
- Pengurus Operasi Balak Dan
- Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan

1.12 PELUANG PEKERJAAN – Bachelo Sains Taman dan Rekreasi

Antara bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan Bachelo Sains Taman dan Rekreasi (BSTR) dalam sektor awam dan swasta adalah seperti berikut:

a. Sektor Awam

Di dalam sektor awam terdapat beberapa kementerian dan jabatan yang dapat

menawarkan pekerjaan kepada graduan BSTR. Di antara kementerian yang dapat menawarkan pekerjaan ialah Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Manakala jabatan dan institusi yang dapat menawarkan pekerjaan kepada graduan BSTR ialah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sabah, Jabatan Perhutanan Sarawak, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Perbadanan Kemajuan Industri Kayu Sarawak (STIDC), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Majlis Perbandaran, universiti dan lain-lain.

Antara jawatan yang boleh disandang adalah seperti berikut:

- Pengurus Taman dan Rekreasi
- Pengurus Hutan Lipur
- Pegawai Hidupan Liar
- Pengurus Zoo
- Penguasa Taman Negara
- Pemelihara Hutan
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pegawai Perhubungan Awam
- Pegawai Tadbir/Tadbir dan Diplomatik
- Pegawai Penerangan
- Pegawai Penguatkuasa
- Pengajar politeknik, institusi kemahiran dan kolej komuniti, pusat latihan
- Pegawai tentera dan polis
- Guru dan pensyarah bidang perkayuan atau perhutanan

b. Sektor Swasta

Graduan BSTR boleh bekerja dengan syarikat perkayuan yang terlibat dalam pelbagai industri berasaskan kayu seperti pengilangan papan, kilang papan lapis, kilang perabot, pembuatan papan panel kayu, papan serpai, pulpa dan kertas dan lain-lain lagi. Di samping itu peluang untuk menceburkan diri sebagai usahawan dalam industri perkayuan oleh graduan BSTR adalah luas. Antara jawatan yang sesuai di sektor rekreasi dan pelancongan adalah seperti berikut:

- Pengurus Resort
- Jurulatih Rekreasi dan Kepimpinan
- Pengurus Taman Tema
- Pengurus Pelancongan dan Rekreasi
- Usahawan
- Pengurus Sumber Manusia
- Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan
- Pengurus Pemasaran
- Pengurus Promosi
- Pengurus Projek
- Pegawai Seranta
- Perunding
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan

2. KURIKULUM PROGRAM

2.1 KURIKULUM BACELOR SAINS PERHUTANAN

2.1.1 Keperluan Kredit Bergraduat

Program Bacelor Sains Perhutanan (BSH) adalah program profesional yang mengambil masa selama 4 tahun (138 kredit), dengan 3 elektif opsyen iaitu Pengurusan Hutan, Hasil Hutan, dan Rekreasi Hutan. Pada tahun 1 dan 2, pelajar akan mengikuti kursus teras yang sama. Pada tahun 3 dan 4, pelajar akan mengikuti kursus elektif.

Kursus elektif dibahagi kepada dua iaitu; Kursus elektif Sains Perhutanan (perlu diambil oleh ketiga-tiga opsyen) dan Kursus elektif opsyen. Pelajar dikehendaki memilih 34 kredit daripada kursus elektif yang ditawarkan oleh fakulti yang mana pelajar mesti memilih 22 kredit daripada kursus elektif Sains Perhutanan dan selebihnya bergantung kepada opsyen yang dipilih. Pelajar perlu mengambil 12 kredit daripada kursus elektif opsyen. Kursus ini merupakan kursus yang dipilih untuk mengukuhkan bidang pengajian dan dipilih mengikut kecenderungan pelajar atau yang akan membantu di dalam kerjaya mereka.

2.1.2 Senarai Kursus untuk Bergraduat

Kursus untuk bergraduat dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kursus universiti, kursus teras dan kursus elektif berikut:

KOMPONEN KURSUS PROGRAM BSH

	KOMPONEN KURIKULUM	KURIKULUM
1.	Kursus Universiti	22
2.	Kursus Teras	82
3.	Kursus Elektif	34
	JUMLAH	138

a. Kursus Universiti

Kod	Nama Kursus	Kredit
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	3 (2+1)
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	3 (2+1)
FCE 3204	Kemahiran Berfikir	2 (2+0)
PRT 2008	Pertanian dan Manusia	2 (2+0)
SKP 2203	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2 (2+0)
SKP 2204	Hubungan Etnik	2 (2+0)
SKP 2101	Kenegaraan Malaysia	3 (3+0)
MGM 3180	Asas Keusahawanan	3 (2+1)
QKX	Kokurikulum I	1 (0+1)
QKX	Kokurikulum II	1 (0+1)
Jumlah		25

Kursus Bahasa Inggeris (*) yang perlu diikuti oleh pelajar adalah berdasarkan

kepada pencapaian dalam peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET) seperti **Seksyen 2.8**.

b. Kursus Teras

Kod	Nama Kursus	Kredit
BGY 3201	Struktur dan Fungsi Tumbuhan	3 (2+1)
MTH 3003	Statistik bagi Sains Gunaan	4 (3+1)
FHH 3501	Struktur dan Penggunaan Kayu	4 (3+1)
FHK 3401	Survei Hutan	3 (2+1)
FHK 3403	Kejuruteraan Hutan	3 (2+1)
FHL 3301	Pengurusan Hidupan Liar	3 (2+1)
FHL 3302	Entomologi dan Patologi Hutan	4 (3+1)
FHP 3105	Silvikultur Hutan	4 (3+1)
FHP 3110	Tanah Hutan	3 (2+1)
FHP 3101	Dendrologi	4 (3+1)
FHP 3111	Ekologi Hutan	3 (2+1)
FHR 3601	Pengenalan Kepada Rekreasi Luar	3 (2+1)
FHS 4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir	6 (0+6)
FHS 4901	Latihan Industri	12 (0+12)
FHS 4902	Kem Perhutanan	1(0+1)
FHU 3203	Sukatan Hutan	3 (2+1)
FHU 3204	Kaedah Komputer dalam Perhutanan	3 (2+1)
FHU 3205	Kaedah Kuantitatif dalam Perhutanan	4 (3+1)
FHU 3207	Pengurusan Hutan I	3 (2+1)
FHU 3212	Dasar dan Undang-undang Hutan	2 (2+0)
FHU 3215	Ekonomi Perhutanan	4 (4+0)
FHU 3211	Pengurusan Kawasan Legeh	3 (2+1)
Jumlah		82

c. Kursus Elektif Sains Perhutanan (Pilih sekurang-kurangnya 22 kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHH 3509	Hasil Hutan Bukan Kayu	3 (2+1)
FHK 3404	Penuaian Hutan	3 (2+1)
FHK 3406	Sistem Maklumat Geografi dalam Perhutanan	3 (2+1)
FHL 3303	Kebakaran Hutan	2 (1+1)
FHL 3308	Etnobotani	3 (2+1)
FHP 3102	Fisiologi Pokok	3 (2+1)
FHP 3108	Pembaikbiak Pokok	3 (2+1)
FHP 3109	Teknologi Biji Benih	2 (1+1)
FHP 4103	Biodiversiti dan Pemuliharaan	3 (2+1)
FHR 3603	Pengurusan Hutan Bandar	4 (3+1)
FHR 3602	Interpretasi Persekitaran	3 (2+1)
FHU 3213	Analisis Kewangan Industri Perkayuan	3 (2+1)
FHU 4202	Pengurusan Industri Perhutanan	2 (2+0)
FHU 4205	Perhutanan Antarabangsa	2 (2+0)
FHU 4208	Penilaian Ekonomi Sumber Hutan dan Biodiversiti	3 (2+1)

d. Kursus Elektif Opsyen Pengurusan Hutan (Pilih sekurang-kurangnya 12 kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHK 4401	Penderiaan Jauh dalam Perhutanan	3 (2+1)
FHK 4402	Pengangkutan Hutan	3 (2+1)
FHK 3407	Jalan Hutan	3 (2+1)

FHP 3114	Pemulihan Ekosistem	3 (2+1)
FHL 3309	Pentaksiran Biodiversiti	3 (2+1)
FHU 3209	Perhutanan Tani	3 (2+1)
FHU 3216	Pengurusan Hutan II	2(1+1)

e. Kursus Elektif Opsyen Hasil Hutan (Pilih sekurang-kurangnya 12 kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHH 3521	Perolehan Bekalan Balak dan Kayu	3 (2+1)
FHH 3522	Pengilangan dan Pemesinan Kayu	3 (2+1)
FHH 3520	Pengeringan Kayu	2 (1+1)
FHH 3523	Kemerosotan Kayu dan Rawatan	3 (2+1)
FHH 3512	Pemasaran Hasil Hutan	3 (2+1)
FHH 3519	Papan Komposit 1	3 (2+1)

f. Kursus Elektif Opsyen Rekreasi Hutan (Pilih sekurang-kurangnya 12 kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHR 3606	Perancangan Rekreasi Luar	3 (2+1)
FHR 3607	Perilaku Pengguna Rekreasi	3 (2+1)
FHR 3609	Pemrograman dan Pemimpinan Rekreasi	3 (2+1)
FHR 3612	Pentadbiran dan Organisasi Taman dan Rekreasi	3 (2+1)
FHR 3616	Kemahiran Rekreasi Luar	3 (2+1)
FHR 4606	Pemasaran Rekreasi	3 (2+1)

2.1.3 Skema Pengajian Program Bachelo Sains Perhutanan

TAHUN 1

SEMESTER PERTAMA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	2	1	3
PRT 2008	Pertanian dan Manusia	2	0	2
SKP 2101	Kenegaraan Malaysia	3	0	3
SKP 2203	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	0	2
MTH 3003	Statistik Bagi Sains Gunaan	4	0	4
BGY 3201	Struktur dan Fungsi Tumbuhan	2	1	3
QKX	Kokurikulum I	0	1	1
Jumlah				18

SEMESTER KEDUA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	2	1	3
FHK 3401	Survei Hutan	2	1	3
FHP 3111	Ekologi Hutan	2	1	3
FHP 3101	Dendrologi	3	1	4
SKP 2204	Hubungan Etnik	2	0	2
FCE 3204	Kemahiran Berfikir	2	0	2
QKX	Kokurikulum II	0	1	1
Jumlah				18

TAHUN 2

SEMESTER PERTAMA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHP 3110	Tanah Hutan	2	1	3
FHU 3204	Kaedah Komputer dalam Perhutanan	2	1	3
FHS 4902	Kem Perhutanan	0	1	1
FHU 3203	Sukatan Hutan	2	1	3
FHH 3501	Struktur dan Penggunaan Kayu	3	1	4
FHU 3205	Kaedah Kuantitatif Dalam Perhutanan	3	1	4
Jumlah				18

SEMESTER KEDUA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHL 3302	Entomologi dan Patologi Hutan	3	1	4
FHP 3105	Silvikultur Hutan	3	1	4
FHU 3215	Ekonomi Perhutanan	4	0	4
FHK 3403	Kejuruteraan Hutan	2	1	3
FHR 3601	Pengenalan kepada Rekreasi Luar	2	1	3
Jumlah				18

TAHUN 3

SEMESTER PERTAMA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHU 3212	Dasar dan Undang-Undang Hutan	2	0	2
FHL 3301	Pengurusan Hidupan Liar	2	1	3
FHU 3207	Pengurusan Hutan I	2	1	3
MGM 3180	Asas Keusahawanan	2	1	3
FHU 3211	Pengurusan Kawasan Legeh	2	1	3
FHX XXXX	Elektif (Sains Perhutanan)			4
Jumlah				18

SEMESTER KEDUA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHS 4901	Latihan Industri	0	12	12
Jumlah				12

TAHUN 4

SEMESTER PERTAMA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHS 4999A	Projek Ilmiah Tahun Akhir	0	3	3
FHX XXXX	Elektif (Sains Perhutanan)			9
	Elektif (Opsyen)			6
Jumlah				18

SEMESTER KEDUA				
Kod	Nama Kursus	K	A	Kr
FHS 4999B	Projek Ilmiah Tahun Akhir	0	3	3
FHX XXXX	Elektif (Sains Perhutanan)			9
	Elektif (Opsyen)			6
Jumlah				18

2.2 KURIKULUM BACELOR SAINS TEKNOLOGI KAYU

2.2.1 Keperluan Kredit Bergraduat

Program Bacelor Sains Teknologi Kayu (BSTK) adalah program profesional yang mengambil masa selama 4 tahun (8 semester, 135 kredit) pengajian dengan 2 elektif opsyen iaitu Opsyen Teknologi Biokomposit dan Opsyen Pengurusan Industri Perakayuan. Pelajar dikehendaki mengambil 21 - 22 kredit bergantung kepada opsyen yang dipilih. Di samping itu pelajar kedua-dua opsyen perlu mengambil sekurang-kurangnya 9 kredit kursus elektif. Walau bagaimanapun, pelajar juga dibolehkan memilih kursus daripada senarai kursus opsyen yang lain. Selebihnya (2 – 3 kredit), pelajar boleh memilih daripada mana-mana kursus yang ditawarkan oleh universiti. Kursus opsyen/elektif merupakan kursus yang dipilih untuk mengukuhkan bidang pengajian dan dipilih mengikut kecenderungan pelajar atau yang akan membantu di dalam kerjaya mereka.

2.2.2 Senarai Kursus untuk Bergraduat

Kursus untuk bergraduat dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kursus universiti, kursus teras dan kursus pengkhususan dan kursus elektif berikut:

KOMPONEN KURSUS PROGRAM BSTK

	KOMPONEN KURIKULUM	KURIKULUM
1.	Kursus Universiti	22
2.	Kursus Teras	80
3.	Kursus Elektif	33
	JUMLAH	135

a. Kursus Universiti

Kod	Nama Kursus	Kredit
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	3 (2+1)
BBI XXX	<i>Rujuk Skema ELEX di Seksyen 2.8</i>	3 (2+1)
FCE 3204	Kemahiran Berfikir	2 (2+0)
MGM 3180	Asas Keusahawanan	3 (2+1)
PRT 2008	Pertanian dan Manusia	2 (2+0)
QKX	Kokurikulum	1 (0+1)
QKX	Kokurikulum	1 (0+1)
SKP 2101	Kenegaraan Malaysia	3 (3+0)
SKP 2203	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2 (2+0)
SKP 2204	Hubungan Etnik	2 (2+0)
	Jumlah	22

Kursus Bahasa Inggeris (*) yang perlu diikuti oleh pelajar adalah berdasarkan kepada pencapaian dalam peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET) seperti **Seksyen 2.8**

b. Kursus Teras

Kod	Nama Kursus	Kredit
BGY 3201	Struktur dan Fungsi Tumbuhan	3 (2+1)
FHH 3509	Hasil Hutan Bukan Kayu	3 (2+1)
FHH 3511	Teknologi Pulpa dan Kertas	3 (2+1)
FHH 3512	Pemasaran Hasil Hutan	3 (2+1)
FHH 3516	Anatomi Kayu dan Gentian	3 (2+1)
FHH 3517	Fizik Kayu dan Gentian	3 (2+1)
FHH 3518	Kimia Kayu dan Gentian	3 (2+1)
FHH 3519	Papan Komposit 1	3 (2+1)
FHH 3520	Pengeringan Kayu	2 (1+1)
FHH 3522	Pengilangan dan Pemesinan Kayu	3 (2+1)
FHH 3523	Kemerosotan Kayu dan Rawatan	3 (2+1)
FHH 3524	Perekat dan Teknologi Perekatan Kayu	3 (2+1)
FHP 3105	Silvikultur Hutan	4 (3+1)
FHP 3112	Dendrologi 1	3 (2+1)
FHS 4901	Latihan Industri	12 (0+12)
FHS 4902	Kem Perhutanan	1 (0+1)
FHS 4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir	6 (0+6)
FHU 3204	Kaedah Komputer dalam Perhutanan	3 (2+1)
FHU 3205	Kaedah Kuantitatif dalam Perhutanan	4 (3+1)
FHU 3218	Ekonomi Industri Perakayuan	3 (3+0)
FHU 3219	Pengenalan Kepada Sains Perhutanan	3 (3+0)
FHU 3227	Pengenalan Kepada Undang-Undang Industri Perakayuan	2 (2+0)
MTH 3003	Statistik Bagi Sains Gunaan	4 (3+1)
Jumlah		80

c. Kursus Opsyen Teknologi Biokomposit

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHH 3515	Proses Pembuatan Perabot	3 (2+1)
FHH 3526	Mekanik Kayu	3 (2+1)
FHH 3527	Biojisim dan Biotenaga	3 (2+1)
FHH 4504	Papan Komposit II	3 (2+1)
FHH 4505	Teknologi Penglitup dan Kemasiapan Kayu	3 (2+1)
FHH 4506	Teknologi Kitaran Semula Kayu Dan Gentian	3 (2+1)
FHH 4507	Reka Bentuk Kayu Dan Analisis Kejuruteraan	3 (2+1)
Jumlah		21

d. Kursus Opsyen Pengurusan Industri Perakayuan

Kod	Nama Kursus	Kredit
FHH 3510	Analisis Operasi Perindustrian Hasil Hutan	3 (2+1)
FHH 3521	Perolehan Bekalan Balak dan Kayu	3 (2+1)
FHH 3525	Pencemaran dalam Industri Hutan	3 (3+0)
